

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK
SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN
[BEAUFORT]**

TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 23

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun
[Beaufort]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah rancangan untuk menaik taraf kemudahan dan perkhidmatan jalur lebar khususnya di negeri Sabah memandangkan kelajuan internet kurang memuaskan buat masa ini terutamanya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pihak Kerajaan secara berterusan giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan perkhidmatan komunikasi di seluruh negara termasuklah di Parlimen Beaufort dan seluruh negeri Sabah.
2. Di bawah inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada, sebanyak 358 menara komunikasi baru telah siap beroperasi di Sabah manakala 34 menara lagi dalam peringkat pelaksanaan. Ini merupakan tambahan kepada 1,078 menara komunikasi yang disediakan secara komersial di Sabah oleh syarikat-syarikat telekomunikasi utama. Daripada jumlah ini, sebanyak 41 menara komersial terletak di Beaufort.
3. Selain itu, sebanyak 1,218 lokasi menara sedia ada telah siap dinaiktaraf di negeri Sabah yang menyediakan liputan perkhidmatan sehingga 4G manakala 51 menara lagi sedang dalam proses penaiktarafan dan dijangka siap menjelang suku keempat 2019. Daripada jumlah tersebut, 37 lokasi menara yang telah siap dinaiktaraf berada di Beaufort manakala 2 lokasi lagi dalam peringkat pelaksanaan.
4. Melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di ibu negeri, bandar-bandar utama dan kawasan ekonomi berimpak tinggi di seluruh negara termasuk di Sabah, lebih 100 ribu sambungan telah tersedia yang melibatkan penaiktarafan 10 ibusawat di Sabah.
5. Pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps di kawasan pinggir dan luar bandar di mana terdapat lebih 40 ribu sambungan tersedia melalui 40 ibusawat talian tetap di Sabah manakala sebanyak 5 ribu sambungan lagi dalam pelaksanaan termasuklah 2 ibusawat yang berada di parlimen Beaufort.

6. Sebagai tambahan, pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Sistem Kabel Dasar Laut yang menghubungkan Semenanjung ke Sabah dan Sarawak yang bertujuan untuk meningkatkan kelajuan internet dengan pemasangan rangkaian kabel gentian optik dasar laut berkapasiti 4 tarabit sesaat dengan jumlah jarak keseluruhan melebihi dari 3,800 kilometer.
7. Kesemua inisiatif ini adalah usaha yang berterusan yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi meningkatkan liputan dan kualiti jalur lebar di kawasan bandar dan luar bandar termasuklah di Kota Kinabalu.
8. Pihak Kerajaan juga telah merangka Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, ("NFCP")) bagi menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan selama 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.